



PROFIL

- **Nama:** Datuk Abdul Fattah Abdullah
- **Umur:** 58 tahun
- **Jawatan:** Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa)
- **Asal:** Kampung Lubuk Kulit Kuala Lipis Pahang
- **Kejayaan:** Dipilih sebagai Presiden Koperasi Asean (ACO)

NOOR AINULYAKIN ISHAK

SEJAK ditubuhkan pada 12 Mei 1971, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), berperanan memacu pencapaian koperasi negara dengan membantu dan menyediakan pelbagai kemudahan perkhidmatan untuk terus berkembang maju, baik diperingkat tempatan mahupun antarabangsa. Dengan bilangan koperasi berjumlah 13,648 dan kira-kira 8 juta ahli, Angkasa bukan sahaja menjalankan pelbagai perniagaan untuk menjana pendapatan sendiri malah merangsang, membangun, membimbing serta menjaga kepentingan dan pembangunan koperasi terutamanya dalam bidang perniagaan.

Di sebalik perjuangan Angkasa, nama Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, menjadi sebutan kerana berjaya meletakkan Angkasa ditahap yang membanggakan.

Mula menjawat jawatan Presiden sejak 2013, Abdul Fattah mengakui tugas yang digalas itu bukanlah mudah kerana beliau perlu melakukan pelbagai strategi bagi memperkasakan Angkasa yang

menjadi badan Apex gerakan koperasi di negara ini.

Abdul Fattah berkata, strategi utama yang dilakukan adalah dengan membuat pembaharuan dalam melaksanakan pelbagai polisi supaya kebergantungan Angkasa kepada perniagaan teras iaitu pengurusan potongan gaji dapat dikurangkan.

Apabila usaha dijalankan untuk mendapatkan sumber pendapatan baru, Angkasa perlu melihat sumber lain bagi menambah dana untuk terus menabur khidmat kepada koperasi.

Justeru, Angkasa mula mengorak langkah menjana pendapatan dengan mempelbagaikan cabang perniagaan.

"Perkara pertama yang dilakukan adalah dengan memperkasakan lagi perniagaan Angkasa kerana sumber pendapatan kami kini adalah berdasarkan perkhidmatan teras iaitu khidmat potongan gaji. Sebab itu, Angkasa perlu menceburi bidang perniagaan terutamanya perniagaan berimpak tinggi.

"Selain itu, kami melihat peranan Angkasa perlu pergi lebih jauh dengan menjadi badan induk koperasi yang boleh membawa pelbagai produk dan perkhidmatan koperasi untuk dipasarkan ke luar negara.

"Melalui penganjuran Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi (Maccops) juga terbukti membantu mempromosikan hasil keluaran koperasi," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di Ibu Pejabat Angkasa di Wisma Ungku A Aziz, Petaling Jaya, baru-baru ini.

Pun begitu, Abdul Fattah ber-

kata, Angkasa bukan sahaja mahu melihat koperasi di negara ini menghasilkan keuntungan lumayan, tetapi lebih penting untuk kekal stabil dan dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada para anggota mereka.

"Justeru, kami di Angkasa berperanan memastikan perbelanjaan dan perancangan kewangan sentiasa berhemah dan memberi banyak manfaat kepada koperasi selain berusaha memberi bimbingan kepada koperasi dalam pelbagai bidang perniagaan.

"Dan pulangan yang diperolehi Angkasa, ianya akan dipulangkan kembali kepada gerakan koperasi melalui penganjuran pelbagai program bagi membangunkan koperasi," katanya.

Misi memperkasa koperasi

Angkasa terokai pelbagai bidang perniagaan, bantu koperasi negara untuk lebih berdaya maju

Ceburi perniagaan berimpak tinggi

Usaha menerokai pelbagai cabang perniagaan, nyata memberikan impak yang besar kepada kemajuan koperasi Malaysia.

Malah akui Abdul Fattah, beliau sendiri menyaksikan perkembangan tersebut melalui potensi gerakan koperasi di Malaysia yang semakin merangsang dengan penerimaan dan keyakinan masyarakat di negara ini terhadap koperasi.

"Bukti meningkatnya keyakinan masyarakat terhadap institusi koperasi adalah semakin banyak koperasi baru berjaya ditubuhkan, menjadikan gerakan koperasi yang ditubuhkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga kini, menjangkau hampir 14,000 buah.

"Keyakinan itu semakin kukuh melalui penglibatan Angkasa menceburi bidang perniagaan berimpak tinggi yang memerlukan kepakaran serta teknologi terkini dan lebih penting Angkasa turut bersamasama koperasi untuk menerokainya," katanya.

Abdul Fattah berkata, Angkasa telah berjaya menubuhkan lima anak syarikat di bawah anak syarikatnya MyAngkasa Holdings Sdn Bhd melibatkan lapan sektor peneraju ekonomi koperasi.



Antaranya sektor pembangunan hartanah dan industri binaan; sektor perladangan; sektor pertanian dan industri asas tani; sektor perkhidmatan kewangan; sektor pemborongan dan peruncitan; sektor pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan, inovasi serta teknologi; dan sektor komuniti.

"Tiga anak syarikat yang ditubuhkan Angkasa telah mencatatkan keuntungan sejak dua tahun lepas dan dua lagi anak syarikat insya-ALLAH akan mencatat keuntungan pada tahun ini.

"Sasaran Angkasa juga adalah mahu melibatkan koperasi-koperasi dalam sektor tersebut supaya koperasi dapat pengalaman menjalankan perniagaan dan memberi impak kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) demi menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara," katanya.

Optimis memperkasakan peranan dan fungsi Angkasa, Abdul Fattah memberitahu, perkembangan tersebut juga adalah petanda baik di atas usaha Angkasa selama ini yang mahukan gerakan koperasi bergiat dalam perniagaan dan dapat pergi lebih jauh dalam memasarkan produk dan perkhidmatan koperasi.



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bersama Abdul Fattah melihat model bandar koperasi, Coop-City pertama di Malaysia dan Asia yang sedang dibina di Bandar Penawar, Johor.

Cabaran berjaya memantapkan Angkasa

Dalam tempoh 47 tahun penubuhannya, Angkasa tidak lari daripada menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan sebagai badan apeks pemangkin pembangunan gerakan koperasi di Malaysia.

Namun setiap cabaran itu menjadikan Angkasa lebih matang untuk berada dikedudukannya kini.

Bagi Abdul Fattah, beliau bersama-sama semua Jawatankuasa Tadbir Angkasa tetap komited terus memperkasakan badan koperasi ke peringkat lebih tinggi.

Sejak dilantik menerajui Angkasa sehingga kini, Abdul Fattah turut tidak terkecuali berdepan cabaran besar dan beliau yakin dengan sokongan semua pihak, Angkasa terus merintis kejayaan untuk kemajuan koperasi.

"Bagi Angkasa pencapaian dan kemajuan koperasi adalah lebih penting kerana ia turut membantu kemajuan sosioekonomi rakyat di negara ini," katanya.

Tegasnya, cabaran yang dihadapi itu memberikan kekuatan untuknya terus berusaha dengan menghasilkan pelbagai gerak kerja bagi meneruskan misi Angkasa dalam memestikan Gerakan Koperasi Negara.

"Bagi tahun 2018 ini, Angkasa menyasarkan pelbagai program untuk bersama koperasi mengembangkannya lagi pemiagaan.


"Ini termasuk antaranya membimbing koperasi sekolah untuk mencatat perolehan melebihi RM1 juta setiap koperasi sekolah.

"Bimbingan dan perhatian Angkasa juga turut melibatkan koperasi perbankan dan kredit; pertanian; pengguna; tanah; institusi pengajian tinggi; perikanan; pengangkutan; insurans; perumahan; perusahaan; pendidikan (sekolah) wanita, kariah masjid, koperasi Orang Asli dan koperasi dalam pelbagai sektor ekonomi," katanya.

Bersasarkan statistik koperasi yang dikeluarkan oleh SKM, jumlah yuran bagi kesemua koperasi adalah RM13.87 billion dan jumlah aset sebanyak RM135.82 billion.

Perolehan bagi tahun 2016, adalah sebanyak RM39.66 billion.

Abdul Fattah yakin perolehan



Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa yang diadakan tahun lalu.



Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin mewakili negara merasmikan Persidangan Global dan Mesyuarat Agung Persekutuan Koperasi Antarabangsa 2017.

bagi tahun 2017 pula mampu mencapai sekitar RM45 billion.

Perangkaan besar itu, membolehkan pemiagaan yang dijalankan oleh koperasi berkembang maju dan paling utama kerjasama dikalangan koperasi amat perlu dalam menjayakan impian untuk memajukan pemiagaan koperasi.

Bantu pasar produk koperasi ke luar negara

Selain menepati matlamat untuk meluaskan peranan Angkasa yang bukan sahaja untuk menjadi badan induk koperasi di dalam negara, Angkasa juga telah mula berperanan memperkasakan gerakan koperasi di luar negara.

Antara peranan yang dimainkan ialah membantu dan mempromosi

koperasi untuk memasarkan produk mereka ke luar negara.

Abdul Fattah berkata, melalui hubungan baik yang terjalin di antara Angkasa dengan badan koperasi di seluruh dunia, badan koperasi itu yakin usaha tersebut dapat dijalankan dengan baik dan berkesan.

Pada masa yang sama, matlamat yang dilakukan itu seiring dengan sasaran beliau untuk dicapai selepas tahun 2020, di mana beliau mahu melihat peranan Angkasa di peringkat antarabangsa lebih menyerlah.

"Selaku Presiden Angkasa, saya dipilih sebagai Presiden Koperasi Asean (Asean Cooperative Organisation - ACO) dan ia merupakan satu pengiktirafan kepada Angkasa dan Malaysia.

"Gerakan koperasi negara luar juga memandang tinggi kepada pencapaian koperasi Malaysia.

"Malah dalam Persidangan Koperasi Sedunia (ICAKL 2017), turut menyerlah pengiktirafan Angkasa kepada kemajuan koperasi di negara ini.

"Saya berharap, sebelum 2050, akan ada pemimpin koperasi dari Malaysia yang dipilih menjadi Presiden Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) dan Pengerusi Koperasi Rantau Asia Pasifik," katanya.

Beliau memberitahu, Angkasa juga mahu menjadikan 2018 sebagai tahun digital koperasi bagi menggalakkan penglibatan koperasi-koperasi di bawah naungannya dalam perdagangan elektro-

INFO

- Angkasa didaftarkan pada 12 Mei 1971.
- Angkasa diangkat sebagai sebuah koperasi mewakili gerakan koperasi seluruh Malaysia dan pengisytiharan pengiktirafan ini telah diwartakan pada 23 Mei 1996.
- Dua koperasi dari Malaysia tersenarai dalam 300 koperasi terbaik dunia iaitu Bank Rakyat dan Koperasi Permodalan Felda Berhad (KPF).
- Angkasa telah berjaya menubuhkan lima anak syarikat di bawah MyAngkasa Holdings Sdn Bhd; MyAngkasa Amanah Berhad, MyAngkasa Services Sdn Bhd, MyAngkasa Bina Sdn Bhd, MyAngkasa Dialisis Sdn Bhd, MyAngkasa Farmasi Sdn Bhd.

nik (e-Dagang).

"Jika koperasi tidak mengambil bahagian atau tidak mengambil kira perkembangan semasa tentang e-Dagang, maka koperasi akan ketinggalan.

"Setakat ini, koperasi yang telah didaftarkan di bawah SKM masih kecil.

"Kita mahu semua koperasi ada laman web sendiri dan Angkasa akan memberi kursus serta bimbingan dalam hal ini," katanya.

Beliau berkata, e-Dagang juga dapat menjadi platform kepada seluruh koperasi untuk meningkatkan lagi perolehan mereka.

"Pada tahun lepas, perolehan koperasi adalah hampir RM40 billion. Jika koperasi dapat menggunakan e-Dagang sebagai platform pemiagaan mereka, saya percaya jumlah perolehan ini dapat dipertingkatkan lagi pada masa-masa yang akan datang," katanya.

Justeru, usaha yang sedang dan akan dilakukan Angkasa, amat bertepatan untuk memastikan koperasi dapat memasarkan produk masing-masing serta meluaskan lagi pasaran ke seluruh dunia dan membantu kerajaan dengan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.



Angkasa melalui anak syarikatnya MyAngkasa turut melabur untuk projek ladang solarnya sendiri.



Pelbagai produk koperasi telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa.



Untuk memperkasakan gerakan koperasi, Angkasa menganjurkan pelbagai program demi kebaikan mereka.